

Syarikat bumiputera perlu utamakan kualiti

KUALA LUMPUR 16 Julai — Syarikat-syarikat bumiputera harus menekankan soal kualiti dalam pengurusan daripada mementingkan soal kuantiti semata-mata, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, perubahan daripada kuantiti kepada kualiti amat penting kerana sesebuah syarikat itu tidak akan kekal lama jika mereka tidak mempunyai kualiti pengurusan yang baik.

"Kalau kita bekal wang yang banyak kepada seseorang yang tidak tahu menguruskannya, wang itu tidak akan kekal di tangan orang yang mendapat wang, kalau kita serah syarikat gergasi kepada orang yang tidak tahu mengurus maka syarikat itu tidak akan menjadi gergasi...dia akan jadi orang kerdil atau mungkin akan lupus sama sekali," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-14, Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB), di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, dalam perniagaan, kualiti amat penting bukan sahaja dari segi barangan tetapi juga pengurusan kerana ia lebih penting daripada lain-lain perkara yang terdapat dalam syarikat.

Beliau menegaskan, sejarah telah membuktikan bahawa kerajaan telah berusaha selama 20 tahun untuk mencapai matlamat 30 peratus untuk bumiputera dari segi kuantiti banyaknya.

"Kita tidak mencapai hasrat itu bukan kerana kita tidak berusaha tetapi kerana kita tidak mempunyai kualiti...walaupun kita telah berusaha hingga mencapai 30 peratus tetapi kualitinya tidak baik," katanya.

Katanya, angka yang disebut-sebutkan setelah 20 tahun kerajaan berusaha melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) hanya 20 peratus.

"Sebenarnya kita capai 30 peratus tetapi dalam jangka masa 20 tahun itu oleh kerana pemilik-pemilik saham-saham yang diagihkan semasa pelaksanaan DEB telah menjual

balik saham-saham mereka maka akhirnya selepas genap 20 tahun kita tak capai 30 peratus tetapi kita hanya capai 20 peratus sahaja," katanya.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, selepas tamat DEB dan terbentuknya satu dasar lagi iaitu Pelan Ekonomi Kebangsaan (NEP), kerajaan menumpukan kepada kualiti.

"Kita hendak supaya saham milik bumiputera bukan sekadar dimiliki tetapi turut dikendalikan oleh orang-orang yang tahu mengurus.

"Kita bernasib baik kerana semasa NEP berjalan kita dapat melatih ramai juga bumiputera dalam bidang perniagaan dan perusahaan, mereka telah muncul dan diberi peluang untuk mengurus syarikat-syarikat gergasi," katanya.

Pengurusan katanya, kerajaan bernasib baik kerana telah mencapai kualiti daripada segi pengurusan dan telah dapat mewujudkan orang yang tahu bagaimana menguruskan wang, perniagaan dan memulihkan perniagaan yang gagal.